

Saya saman Anwar kerana fitnah curi duit - Tun M

SHAH ALAM: Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, isu melibatkan kuasa politik orang Melayu tidak mempunyai kaitan dengan tuntutan saman yang dikemukakan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebaliknya, dalam prosiding, pemeriksaan balas di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, Dr. Mahathir sekali lagi menjelaskan pemfailan tersebut adalah berhubung fitnah kononnya beliau mencuri duit negara.

Beliau berkata, fitnah tersebut memberi kesan terhadapnya sebagai bekas pemimpin negara.

“Soalan itu tak ada kena mengena dengan kes saya. Saya jawab yang berkenaan kes saya. Dia (Anwar) fitnah kata saya curi duit,” katanya ketika disoal peguam Anwar, Razlan Hadri Zulkifli.

Dalam prosiding di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Donald Joseph Franklin, Razlan bertanya sama ada Dr. Mahathir bersetuju tiada sebarang dokumen atau bukti menunjukkan orang Melayu di bawah pentadbiran Anwar hilang kuasa atau dihadkan.

“Saya tak *complain* (merungut) berkenaan tentang apa yang terjadi kepada orang Melayu. Yang saya *complain* kononnya saya curi duit kerajaan, terlibat dengan kronisme. Itu yang menyebabkan saya ambil

tindakan,” kata Dr. Mahathir.

Dalam pemeriksaan balas dengan peguam sama, Dr. Mahathir memberi pandangan sama berhubung kenyataan ‘negara berbilang kaum’.

Razlan Hadri: Bila saya kata kepada Tun, bukankah satu fakta negara ini memang berbilang kaum. Tun kata penduduk berbilang kaum. Ingat?

Dr. Mahathir: Ya.

Razlan Hadri: Apa yang Tun faham dan apa yang Anwar kata itu berbeza. Anwar bagi Tun bukan bercakap tentang komposisi negara ini, itu yang Tun maksudkan? Bagi Tun itu kenyataan (Malaysia negara pelbagai kaum) bahaya?

Dr. Mahathir: Bertentangan dengan perlembagaan. Perlembagaan menyebut Malaysia adalah Tanah Melayu. Dia mengatakan Malaysia bukan sahaja milik orang Melayu tetapi pelbagai bangsa.

Razlan Hadri: Itu yang bahaya bagi Tun, betul?

Dr. Mahathir: Ya.

Razlan Hadri: Bila Anwar kata negara ini negara pelbagai kaum, boleh saya tahu, bila Anwar cakap?

Dr. Mahathir: Dalam beberapa ucapan dia.

Prosiding yang berlangsung lebih empat jam itu ditangguhkan pada 12 November ini.